

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

PADA

22 MEI 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Mei 2015 ini.

KEJAYAAN PELAN TRANSFORMASI NEGARA

2. Pada 28 April 2015, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Laporan Pelan Transformasi Negara (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) kepada rakyat. Jika dilihat kepada pencapaian dasar Transformasi Nasional Negara yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009, tidak dapat kita nafikan telah ia membuahakan hasil yang boleh kita banggakan. Pada tahun lepas, kadar pertumbuhan negara telah mencecah 6 %. Malaysia telah berjaya sejak dasar Transformasi Nasional dilaksanakan, menyediakan peluang pekerjaan melebihi 1.5 juta sehingga kadar pengangguran negara ini berada pada kadar yang amat rendah. Sejak tahun 2009, deposit negara mencecah 6.6% setiap tahun secara konsisten, dan sehingga 2014 kadar deposit negara telah dapat kita kurangkan sehingga 3.5%. Dari segi Pendapatan Kasar Negara, sejak dasar Transformasi Nasional dilaksanakan, kadarnya telah bertambah sehingga 49%, bererti kita telah menambah kekayaan negara 50% dalam tempoh tersebut. Kerajaan telah

wujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), program perumahan termasuk untuk penjawat awam.

3. Apa yang ingin saya nyatakan disini, kita harus yakin bahawa apa yang Kerajaan lakukan selama ini telah dan akan terus mencapai keberhasilan. Kerajaan telah berjaya meletakkan negara pada landasan dan momentum untuk mencapai status advance ekonomi. Daya saing negara juga telah bertambah, ranking negara bertambah baik dan ini bererti kita sudah menjadi sebuah negara yang semakin hari semakin kompetitif. Kita harus meneruskan usaha, perkukuhkan apa yang Kerajaan lakukan, kuatkan iltizam, memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada serta bekerja sebagai satu pasukan di antara pentadbir negara dan penjawat-penjawat awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PELAN STRATEGIK LLM 2016-2020

4. Kejayaan Pelan Transformasi Kerajaan dalam mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi sudah pasti memerlukan gerak kerja daripada semua Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. LLM yang berperanan dalam pengurusan penswastaaan lebuhraya perlu memastikan pembangunan dan perkhidmatan lebuhraya cepat, selamat, efisien dan kos efektif di dalam menunjangi objektif Pelan Transformasi Kerajaan.

5. Untuk mencapai tujuan tersebut, LLM telah merangka Pelan Strategik bagi tempoh 2011 hingga 2015. Tahun ini merupakan fasa terakhir pelaksanaan strategik tersebut. Suka juga saya maklumkan bahawa satu Pelan Strategik bagi tempoh 2016 - 2020 akan diadakan pada awal bulan Jun bagi merangka dan merancang pelan strategik baru yang mengambil kira Pelan Strategik KKR yang kini dalam proses pemurnian. Pelan Strategik yang bakal dibangunkan ini diharap dapat memastikan LLM terus relevan sebagai agensi bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya bertol di Malaysia

Hadirin yang dihormati sekalian,

MAKLUMBALAS MEDIA SOSIAL LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

6. Sebagaimana tuan puan sedia maklum, LLM mempunyai akaun-akaun media sosial bertujuan untuk menyampaikan maklumat informasi trafik dan perkhidmatan LLM di samping satu medium bagi mendapatkan maklum balas dari pengguna lebuhraya terhadap perkhidmatan yang diberikan. Untuk makluman, akaun facebook Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mencatat 55,000 like dan tweeter Infotrafik seramai 91,000 followers. Ini menunjukkan pengguna lebuhraya lebih mudah berhubung melalui media sosial.

7. Lantaran itu pada 30 April yang lepas, satu bengkel pentadbir media sosial telah dianjurkan oleh KKR untuk memantau semua media sosial LLM bagi

memperkukuhkan kemahiran pegawai dalam menguruskan media sosial seperti facebook dan twitter. Saya lihat di sini cabaran yang dihadapi dengan penggunaan media sosial adalah maklumat dan maklum balas perlu disampaikan dengan serta-merta. Namun pada masa yang sama , maklumbalas tersebut mestilah tepat dan mendapat pengesahan pengurusan LLM sebelum ianya disebar. Justeru setiap bahagian dalam memberikan maklumat kepada pentadbir akaun media sosial amat diperlukan di dalam menjawab persoalan dan aduan yang diajukan oleh pengguna lebuh raya atau penyediaan maklumat. Ini dapat meningkatkan kepercayaan dan kredibiliti LLM di dalam menjadikan LLM sebagai organisasi pengurusan lebuh raya yang cekap dan komitmen dengan kehendak pelanggan.

8. Saya juga dimaklumkan bahawa BKSS juga mempunyai akaun facebook sendiri yang mana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh BKSS dimuat naik ke dalam akaun facebook. Syabas diucapkan. Saya amat berharap agar semua Warga LLM supaya Follow, Share dan Like semua akaun media sosial LLM dan BKSS.

Hadirin yang dihormati sekalian,

ETIKA DAN IMEJ PENJAWAT AWAM

9. Tidak dapat disangkal lagi bahawa penampilan diri dalam suasana pekerjaan merupakan satu elemen yang penting kepada setiap individu. Imej seorang penjawat awam sekali gus akan mencerminkan personaliti dan tahap profesionalisma penjawat awam tersebut secara khusus dan melambangkan imej organisasi secara am nya. Dalam etika berpakaian, saya mengharapkan agar kita semua dapat mematuhi etika berpakaian di pejabat. Etika berpakaian di pejabat telah dinyatakan secara khusus dan terperinci dalam:

- I. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985: “Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara Rasmi bagi Pegawai Kerajaan”**
- II. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan I Tahun 2006: “Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi” dan;**
- III. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan I Tahun 2008:”Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis”.**

10. Oleh yang demikian, mari lah kita bersama- sama memperbaiki imej dan penampilan diri semasa di pejabat. Penampilan diri yang baik akan mencerminkan perkhidmatan yang baik dan menaikkan nama organisasi.

Dalam masa yang sama juga, ia akan menjadi nilai tambah kepada elemen tahap kepuasan pelanggan yang berurusan dengan LLM.

11. Selain daripada penampilan yang baik, marilah kita sama-sama menjadikan amalan memberi salam dan memberi senyuman sebagai satu budaya. Kita semua sedia maklum bahawa senyuman merupakan satu sedekah. Peribadi manusia akan terserlah apabila senyuman ikhlas diukir pada wajah. Dengan senyuman, kita boleh menceriakan hidup orang yang sedang bersedih, boleh membuatkan seseorang juga tersenyum, boleh menurunkan kadar stres, dan yang paling utama, senyuman boleh mendatangkan kesan yang baik pada fisiologi seseorang.

12. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada diri saya sendiri dan semua yang hadir agar dapat menjadikan senyum sebagai satu budaya di tempat kerja kita. Sesungguhnya, kita tidak dapat lari daripada masalah dan bebanan tugas yang banyak di tempat kerja, tetapi kita boleh mengawal dan mengurus emosi kita dengan baik agar semua amanah dan tanggungjawab yang telah di amanahkan dapat dipenuhi sebaiknya.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.